

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
(BUKIT GANTANG)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 11.11.2014

Y.B. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD [BUKIT GANTANG] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah perbelanjaan pihak
Kerajaan dan Khazanah bagi kos juru runding dan butiran kos berkaitan
untuk melaksanakan dan kemudian membubarkan kerjasama MAS-AirAsia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Khazanah Nasional Bhd
(Khazanah) telah melantik perunding-perunding luar semasa

melaksanakan pertukaran saham MAS dan AirAsia yang telah dimuktamadkan dengan Tune Air Sdn Bhd pada Ogos 2011, bertujuan mendapatkan beberapa khidmat khusus termasuk khidmat rundingan kewangan, strategik iaitu penyelidikan dalam sektor penerbangan, komunikasi dan perundangan.

Perunding-perunding tersebut terdiri daripada bank-bank pelaburan, syarikat rundingcara pengurusan strategik, syarikat komunikasi dan firma perundangan. Jumlah yuran perunding yang telah dibayar oleh Khazanah adalah 0.42 peratus daripada nilai janji niaga atau transaksi keseluruhan dan kadar ini adalah lebih rendah berbanding kadar yuran pasaran bagi khidmat perunding oleh institusi pelaburan lain yang berada dalam lingkungan antara 1 hingga 1.5 peratus.